

Hasilkan buku kisah pejuang lawan gerila, penjajah — Dr. M

UM - 9 OCT 2004

BANGI 8 Okt. — Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad meminta lebih banyak buku mengenai perjuangan anak tempatan menentang gerila komunis dan penjajah ditulis supaya sejarah tersebut tidak hilang.

Kata beliau, adalah menjadi kerugian besar kepada negara jika sejarah tidak direkodkan untuk diteladani oleh generasi muda.

“Penulisan mengenai sejarah dan perjuangan di zaman penjajahan serta darurat masih kurang. Jika ada pun ia ditulis oleh orang Inggeris dan mengikut kaca mata mereka,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika melancarkan biografi Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof. Emeritus Tan Sri Rashdan Baba bertajuk *Dari Menara Gading ke Mercu Korporat* di Hotel Equatorial, di sini hari ini.

Jelas beliau, kejayaan Malaysia menentang gerila komunis merupakan satu sejarah yang paling berharga dan beliau pernah ditanya oleh pemimpin Afri-

ka Selatan, Nelson Mandela mengenai perkara itu.

“Selain dari buku-buku mengenai sejarah di zaman penjajahan dan menentang gerila komunis, liku-liku kejayaan pelbagai individu juga patut dirakamkan kerana ia melibatkan perjalanan Malaysia ke arah pembangunan,” katanya.

Menyentuh mengenai biografi dirinya sendiri, Dr. Mahathir menjelaskan niat tersebut sukar dilaksanakan kerana beliau kini begitu sibuk menulis ucapan untuk pelbagai majlis yang dihadiri selepas tarikh persaraan.

“Oleh itu saya mengalu-alukan input dari pelbagai pihak untuk membantu saya menjalankan kajian dan menghasilkan biografi terbabit,” katanya.

Biografi yang dilancarkan hari ini menceritakan latar belakang Rashdan dari zaman persekolahan hingga berjaya membangunkan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Ia turut memuatkan kejayaan beliau menerajui beberapa syarikat korporat seperti Syarikat Telekom Malaysia dan Guthrie.